

**PERKAITAN ANTARA SOKONGAN PENTADBIR, RAKAN
SEJAWAT DAN KEMUDAHAN DENGAN EFIKASI
GURU PPSMI SEKOLAH MENENGAH**

**SIMUN @ JAINEHAMMEL
BIN RUGAG @ RUKAG**


**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 JUN 2008



Simun@Jainehammel Rugag@Rukag
PT20068093



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Borang Pengesahan Penyelia


TAJUK: PERKAITAN ANTARA SOKONGAN PENTADBIR, RAKAN SEJAWAT DAN KEMUDAHAN DENGAN EFIKASI GURU PPSMI SEKOLAH MENENGAH

IJAZAH: IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN)

TARIKH VIVA : 12 JUN 2008

1. PENYELIA:

EN. DENIS ANDREW D. LAJIUM



(Tandatangan)

2. PENYELIA BERSAMA (JIKA ADA)



(Tandatangan)

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia disertasi, En. Denis Andrew D. Lajium atas bimbingan beliau sepanjang saya menyiapkan disertasi ini dan seterusnya kepada Prof. Madya Dr. Salleh Abdul Rashid, Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Yusof Abdullah dan Prof. Madya Dr. Na'imah Yusoff yang memang banyak membantu dalam penyediaan awal kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Jabatan Pelajaran, negeri Sabah atas kebenaran yang diberikan untuk melaksanakan kajian ini. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada isteri tersayang, Pn. Norah Marcus Lajawai yang banyak memberikan semangat, dorongan dan menyumbang idea pada saat-saat kritikal serta anak-anak Daniel Fayusan Rugag, Joshua Adampin Rugag dan Mordecai Sierran Rugag yang menjadi sumber inspirasi dan memahami kesibukan saya. Seterusnya ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Simun@Jainehammel B. Rugag@Rukag
PT20068093



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

PERKAITAN ANTARA SOKONGAN PENTADBIR, RAKAN SEJAWAT DAN KEMUDAHAN DENGAN EFIKASI GURU PPSMI SEKOLAH MENENGAH.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap sokongan pentadbir, rakan sejawat, kemudahan dan efikasi guru dalam kalangan guru sains dan matematik sekolah menengah di Daerah Penampang Sabah. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti korelasi antara: sokongan pentadbir dengan efikasi guru, sokongan rakan sejawat dengan efikasi guru, dan sokongan kemudahan dengan efikasi guru. Seramai 104 orang guru telah mengambil bahagian dalam kajian ini daripada 131 populasi guru sains dan matematik dalam kawasan kajian. Segala data diperolehi melalui borang soal selidik menggunakan skala Likert 4 mata. Data yang diperolehi, diproses dengan menggunakan pengaturcaraan SPSS versi 15.0. Statistik deskriptif dianalisis menggunakan frekuensi, peratus dan min. Statistik inferensi dibuat menggunakan ujian-t, ANOVA satu-hala dan korelasi Pearson. Ujian-t untuk mengenal pasti perbezaan sokongan pentadbir, sokongan rakan sejawat, sokongan kemudahan dan tahap efikasi guru berdasarkan jantina. Analisis ANOVA satu-hala digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan sokongan pentadbir, sokongan rakan sejawat, sokongan kemudahan dan tahap efikasi guru berdasarkan ciri demografi responden, iaitu: pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar. Pekali korelasi Pearson (r) digunakan untuk melihat kewujudan perkaitan antara sokongan pentadbir, sokongan rakan sejawat dan sokongan kemudahan dengan tahap efikasi guru dalam penggunaan komputer atau teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan tahap sokongan pentadbir sederhana tinggi ($m=2.98$, $sp=0.40$), tahap sokongan rakan sejawat tinggi ($m=3.12$, $sp=0.42$), tahap sokongan kemudahan sederhana tinggi ($m=2.62$, $sp=0.57$) dan tahap efikasi guru sederhana tinggi ($m=2.81$, $sp=0.47$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan sokongan pentadbir, sokongan rakan sejawat, sokongan kemudahan dan efikasi guru berdasarkan ciri demografi kecuali tahap efikasi guru berdasarkan pengalaman mengajar dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar. Analisis korelasi mendapati tidak terdapat perkaitan antara sokongan pentadbir dan sokongan rakan sejawat dengan efikasi guru tetapi terdapat perkaitan positif yang lemah dan signifikan ($r = 0.223$, $p = 0.023$) pada aras 0.05 antara sokongan kemudahan dengan efikasi guru. Berdasarkan kajian ini, sokongan kemudahan merupakan satu elemen yang boleh dimanipulasikan bagi meningkatkan efikasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan komputer atau teknologi maklumat dan komunikasi.

ABSTRACT

RELATIONSHIP BETWEEN ADMINISTRATIVE SUPPORT, COLLEGIAL SUPPORT, WITH FACILITIES SUPPORT AND ETeMS TEACHERS' EFFICACY.

The aim of this study was to observe the level of administrative support, collegial support, facilities support and teachers' efficacy among science and mathematics teachers of secondary school in Penampang, Sabah. The main objective of this study was to identify the correlation between: administrative support and teachers' efficacy, collegial support and teachers' efficacy, and facilities support and teachers' efficacy in the area. There were 104 respondents took part in this survey out of 131 population of science and mathematics teachers in the area. All data were measured using the four Likert scale. Data was processed and analysed using Statistical Package for Social Science, (SPSS) version 15.0. Descriptive statistics was analysed in frequency, percentages and mean, while inferences statistics were analysed in t-test, One-Way ANOVA and Pearson correlation coefficient. T-test was used to identify the differences of administrative support, collegial support, facilities support and teacher efficacy level based on gender of the respondents. One-Way ANOVA was used to find out the differences of administrative support, collegial support, facilities support and teachers' efficacy level based on teaching experience, age and subject taught. Pearson correlation coefficient (r) was used to find the relationship between variables of administrative support, collegial support, and facilities supports and teachers' efficacy on using computer or information and communication technology (ICT) in teaching and learning activities. The finding showed that the level of mean of administrative support was at high moderate ($m=3.12$, $sd=0.42$), collegial support was at high ($m=3.12$, $sd=0.42$), facilities support was at high moderate ($m=2.62$, $sd=0.57$) and teachers' efficacy was at high moderate ($m=2.81$, $sd=0.47$). The finding also showed that there was no difference of administrative support, collegial support, facilities support and teachers' efficacy level based on demography features except teachers' efficacy level based on teaching experience and subject taught. Correlation analysis showed there was no correlation between administrative support and collegial support and teachers' efficacy but there was a positive weak and significant relationships ($r=0.223$, $p=0.023$) at 0.05 level between facilities support and teachers' efficacy level. Based on this study, it showed that facilities support was an element that could be manipulated to enhance teachers' efficacy in teaching and learning activities using computer or information and communication technology.

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	: <i>Analysis of Variance</i>
<i>df</i>	: darjah kebebasan
ETeMS	: <i>English in Teaching Mathematics and Science</i>
JPN	: Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	: Kementerian Pelajaran Malaysia
LCD	: <i>Liquid Crystal Display</i>
<i>m</i>	: <i>mean</i> / min
<i>p</i>	: aras kesignifikanan
P&P	: Pengajaran dan Pembelajaran
PC	: <i>Personal Computer</i>
PPK	: Pusat Perkembangan Kurikulum
PPSMI	: Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris
<i>r</i>	: Pekali Korelasi Pearson/ <i>Pearson correlation coefficient</i>
<i>sd / sp</i>	: <i>standard deviation</i> / sisihan piawai
SPSS	: <i>Statistically Package for Social Science</i>
TMK	: Teknologi Maklumat Dan Komunikasi



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

	muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SINGKATAN	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	1
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Tujuan Umum	5
1.5	Objektif Kajian	5
1.6	Soalan Kajian	6
1.7	Hipotesis Kajian	6
1.8	Definisi Operasi	7
1.9	Kepentingan Kajian	9
1.10	Batasan Kajian	9
1.11	Kesimpulan	9

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	10
2.2	Teori Efikasi	10
2.3	Teori Latihan Dan Motivasi Kerja	12
2.4	Kajian Lepas Tentang Efikasi Guru	17
2.5	Kajian Lepas Tentang Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	18
2.6	Kajian Lepas Tentang Sokongan Pentadbir, Rakan Sejawat Dan Kemudahan	23
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	25
2.8	Kesimpulan	26

BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.3	Persampelan	28
3.4	Instrumen Kajian	28
3.5	Prosedur Kerja Dan Pemungutan Data	30
3.6	Kajian Rintis	30
3.7	Analisis Data Kajian	32
3.7.1	Min dan Sisihan Piawai	33
3.7.2	Ujian-t	34
3.7.3	ANOVA Satu-Hala (<i>One-Way ANOVA</i>)	34
3.7.4	Analisis Korelasi	35
3.8	Kesimpulan	36
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Pemerihalan Ciri Demografi Responden	37
4.2.1	Jantina	37
4.2.2	Pengalaman Mengajar	38
4.2.3	Umur	38
4.2.4	Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran	39
4.3	Statistik Deskriptif Kajian	40
4.4	Persepsi Guru Terhadap Tahap Sokongan Pentadbir	41
4.4.1	Perbezaan Sokongan Pentadbir berdasarkan Jantina Responden	41
4.4.2	Perbezaan Sokongan Pentadbir Berdasarkan Pengalaman Responden	42
4.4.3	Perbezaan Sokongan Pentadbir Berdasarkan Umur Responden	43
4.4.4	Perbezaan Sokongan Pentadbir Berdasarkan Bidang Pengkhususan Responden.	43
4.5	Persepsi Guru Terhadap Sokongan Rakan Sejawat.	44
4.5.1	Perbezaan Tahap Sokongan Rakan Sejawat Berdasarkan Jantina Responden.	44
4.5.2	Perbezaan Sokongan Rakan Sejawat Berdasarkan Pengalaman Responden.	45

4.5.3	Perbezaan Sokongan Rakan Sejawat Berdasarkan Umur Responden.	46
4.5.4	Perbezaan Sokongan Pentadbir Berdasarkan Pengkhususan Mata Pelajaran Diajar Responden.	47
4.6	Persepsi Guru Terhadap Tahap Sokongan Kemudahan.	48
4.6.1	Perbezaan Sokongan Kemudahan Berdasarkan Jantina Responden.	48
4.6.2	Perbezaan Sokongan Kemudahan Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden.	49
4.6.3	Perbezaan Sokongan Kemudahan Berdasarkan Umur Responden.	50
4.6.4	Perbezaan Sokongan Kemudahan Berdasarkan Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran Diajar.	51
4.7	Tahap Efikasi Guru.	52
4.7.1	Perbezaan Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Jantina Responden.	52
4.7.2	Perbezaan Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden.	53
4.7.3	Perbezaan Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Umur Responden.	55
4.7.4	Perbezaan Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran Diajar.	56
4.8	Perkaitan Antara Persepsi Guru Terhadap Sokongan Pentadbir, Sokongan Rakan Sejawat Dan Sokongan Kemudahan Dengan Efikasi Guru.	57
4.9	Perkaitan Antara Persepsi Guru Terhadap Sokongan Pentadbir Dan Efikasi Guru.	57
4.10	Perkaitan Antara Persepsi Guru Terhadap Sokongan Rakan Sejawat Dan Efikasi Guru.	58
4.11	Perkaitan Antara Persepsi Guru Terhadap Sokongan Kemudahan Dan Efikasi Guru.	59
4.12	Perkaitan Antara Sokongan Profesional Pentadbir, Sokongan Psikologi Pentadbir, Sokongan Rakan Sejawat, Sokongan Kemudahan dengan Efikasi Personal dan Efikasi Umum Guru.	59
4.13	Rumusan Dapatan Kajian.	60

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan.	62
5.2	Tahap Sokongan Pentadbir.	62
5.3	Tahap Sokongan Rakan Sejawat.	63

5.4	Tahap Sokongan Kemudahan.	63
5.5	Tahap Efikasi Guru.	64
5.6	Perkaitan Sokongan Pentadbir Dengan Efikasi Guru.	66
5.7	Perkaitan Sokongan Rakan Sejawat Dengan Efikasi Guru	67
5.8	Perkaitan Sokongan Kemudahan Dengan Efikasi Guru.	67
5.9	Implikasi Kajian.	68
5.10	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan.	70
5.11	Penutup	71
RUJUKAN		72
LAMPIRAN A: Borang Soal Selidik		76
LAMPIRAN B: Surat Kebenaran Kajian dari EPRD		81
LAMPIRAN C: Surat Kebenaran Kajian dari JPN		83
LAMPIRAN D: Jadual Penentuan Saiz Sampel		84



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Tajuk	muka surat
Jadual 2.1	Kekerapan Penggunaan Koswer Multimedia Sekolah Menengah di Daerah Penampang.	22
Jadual 3.1	Kebolehpercayaan Item Dalam Kajian Rintis Untuk Semua Item.	32
Jadual 3.2	Kaedah Statistik Dalam Penganalisaan Data Kajian.	33
Jadual 3.3	Min Tahap Sokongan Pentadbir, Sokongan Rakan Sejawat Sokongan Kemudahan Dan Efikasi Guru.	34
Jadual 3.4	Nilai Pekali (r) Menunjukkan Kekuatan Hubungan Dua Pemboleh ubah.	35
Jadual 4.1	Peratus Responden Mengikut Jantina.	37
Jadual 4.2	Peratus Responden Mengikut Pengalaman.	38
Jadual 4.3	Peratus Responden Mengikut Kategori Umur.	39
Jadual 4.4	Peratus Responden Mengikut Bidang Mata Pelajaran.	39
Jadual 4.5:	Min dan Sisishan Piawai Keseluruhan.	40
Jadual 4.6:	Min Sokongan Pentadbir berdasarkan Jantina.	41
Jadual 4.7 :	Ujian-t bagi tahap sokongan pentadbir terhadap jantina.	41
Jadual 4.8:	Min Tahap Sokongan Pentadbir Berasarkan Pengalaman Mengajar Responden.	42
Jadual 4.9:	Hasil ujian ANOVA satu-hala Perbezaan Min Tahap Sokongan Pentadbir Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden.	42
Jadual 4.10:	Min Tahap Sokongan Pentadbir Berasarkan Umur Responden.	43
Jadual 4.11:	ANOVA satu-hala Perbezaan Min Tahap Sokongan Pentadbir Berdasarkan Umur Responden.	43
Jadual 4.12:	Min Tahap Sokongan Pentadbir Berdasarkan Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran Responden.	44
Jadual 4.13:	ANOVA satu-hala Perbezaan Min Tahap Sokongan Pentadbir Berdasarkan Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran Responden.	44
Jadual 4.14:	Statistik Min Sokongan Rakan Sejawat Berdasarkan Jantina.	45
Jadual 4.15:	Hasil analisis Ujian-t bagi perbezaan tahap sokongan rakan sejawat terhadap jantina.	45
Jadual 4.16:	Min Sokongan Rakan Sejawat Berdasarkan Pengalaman Mengajar.	46
Jadual 4.17:	Hasil analisis Ujian-t bagi perbezaan tahap sokongan rakan sejawat terhadap Pengalaman.	46
Jadual 4.18:	Min Sokongan Rakan Sejawat Berdasarkan Umur.	47
Jadual 4.19:	Hasil analisis ANOVA satu-hala bagi perbezaan tahap sokongan rakan sejawat terhadap umur.	47
Jadual 4.20:	Min Sokongan Rakan Sejawat Berdasarkan Bidang Pengkhususan mata pelajaran yang diajar	48

Jadual 4.21:	Hasil analisis ANOVA satu-hala bagi perbezaan tahap sokongan rakan sejawat terhadap Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran Diajar.	48
Jadual 4.22:	Min sokongan Kemudahan berdasarkan jantina.	49
Jadual 4.23:	Ujian-t bagi perbezaan tahap sokongan Kemudahan terhadap jantina.	49
Jadual 4.24:	Min Tahap sokongan kemudahan terhadap pengalaman mengajar.	50
Jadual 4.25:	Hasil analisis ANOVA satu-hala bagi perbezaan min tahap sokongan kemudahan terhadap pengalaman mengajar.	50
Jadual 4.26:	Min sokongan kemudahan berdasarkan umur.	51
Jadual 4.27:	Hasil analisis ANOVA satu-hala bagi tahap sokongan Kemudahan terhadap umur.	51
Jadual 4.28:	Min tahap sokongan kemudahan berdasarkan bidang pengkhususan mata pelajaran diajar.	52
Jadual 4.29:	Hasil Analisis ANOVA satu-hala bagi tahap sokongan Kemudahan terhadap Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran Diajar.	52
Jadual 4.30:	Min Perbezaan Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Jantina.	53
Jadual 4.31:	Ujian-t Bagi Perbezaan Tahap Efikasi Guru Terhadap Jantina.	53
Jadual 4.32:	Min Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar.	54
Jadual 4.33:	Hasil analisis ANOVA satu-hala bagi perbezaan efikasi guru terhadap pengalaman mengajar.	54
Jadual 4.34:	Perbandingan Pelbagai (<i>Multiple Comparisons</i>) Post Hoc Tukey.	55
Jadual 4.35:	Min tahap efikasi terhadap umur.	55
Jadual 4.36:	Hasil Analisis ANOVA satu-hala bagi perbezaan Efikasi Guru terhadap umur.	56
Jadual 4.37:	Min Tahap Eikasi Guru Berdasarkan Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran Diajar.	56
Jadual 4.38:	Hasil Analisis ANOVA satu-hala bagi perbezaan min Efikasi Guru terhadap bidang pengkhususan mata pelajaran diajar.	56
Jadual 4.39:	Perbandingan Pelbagai Post Hoc Tukey.	57
Jadual 4.40:	Hubungan antara Persepsi Guru Terhadap Sokongan Profesional Pentadbir Dengan Efikasi Guru.	58
Jadual 4.41 :	Perkaitan Antara Persepsi Guru Terhadap Sokongan Rakan Sejawat Dengan Efikasi Guru.	58
Jadual 4.42 :	Perkaitan antara persepsi guru terhadap sokongan kemudahan dengan efikasi guru.	59
Jadual 4.43:	Matriks Korelasi Sokongan Profesional pentadbir, sokongan psikologi pentadbir, sokongan rakan sejawat, sokongan kemudahan, efikasi personal guru dan efikasi umum guru.	60

Jadual 4.44: Rumusan Analisis Data Ujian-t dan ANOVA satu-hala Bagi Menunjukkan Perbezaan Berdasarkan Demografi.	60
Jadual 4.45: Rumusan Analisis Korelasi Pearson Bivariat Responden.	61



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Tajuk	muka surat
Rajah 2.1	Menunjukkan Perbezaan Antara Jangkaan Efikasi Dan Harapan Hasil-Tindak balas.	11
Rajah 2.2	Model Pengukuhan dan Motivasi Kerja.	15
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual Kajian.	27
Rajah 4.1	Carta Bar Jantina Responden.	37
Rajah 4.2	Carta Bar Pengalaman Mengajar Responden .	38
Rajah 4.3	Carta Bar Umur Responden.	39
Rajah 4.4	Carta Bar Bidang Pengkhususan Mata Pelajaran Responden.	40



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada tahun 2003 Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran sains dan matematik di seluruh negara. Susulan itu, kerajaan telah menyediakan pelbagai koswer(*courseware*) atau perisian bagi memudahkan pengajaran sains dan matematik di samping menyediakan kursus kepada para guru yang terlibat bagi meningkatkan kemahiran guru mengajar dalam bahasa Inggeris dan juga menggunakan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (TMK) atau *Information and Communication Technology* (ICT). Prasarana digital di sekolah-sekolah juga diadakan bagi memastikan guru-guru dapat mengajar menggunakan perisian yang dibekalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK).

1.2 Latar Belakang

Penggunaan multimedia dalam pendidikan, kini dilaksanakan di semua sekolah di Malaysia sesuai dengan perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat (TMK) dan tuntutan dunia pendidikan pada masa kini. Salah satu aplikasi multimedia yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah pada masa ini ialah penggunaan koswer (*courseware*) yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan.

Penggunaan koswer dalam pendidikan telah diperhebatkan lagi apabila kerajaan memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik di seluruh negara bermula pada tahun 2003. Antara tujuan penyediaan koswer tersebut adalah untuk memudahkan guru mengajar dalam bahasa Inggeris di samping meningkatkan kualiti pengajaran guru dalam mata pelajaran tersebut. Pada tahun 2003, kerajaan telah membekalkan sejumlah 96,686 peralatan teknologi baru yang terdiri daripada 49,195 buah *note book* (Komputer Riba) dan 43, 491 buah projektor paparan cecair kristal atau *Liquid Crystal Display* (LCD); Manakala pada tahun 2004, sebanyak 71,720 peralatan telah diedarkan ke sekolah-sekolah iaitu 36, 962 buah

Komputer Riba (*note book*) dan 25,225 buah LCD selain 9,533 buah pencetak (Syuhada Choo Abdullah, 2004).

Menurut Amily Shafila dan Ahmad Yasir (2004), pihak Kementerian Pendidikan Malaysia cuba menerapkan penggunaan perisian multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran, di dalam empat mata pelajaran iaitu Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berdasarkan bajet tahun 2003 kerajaan telah memperuntukkan hampir RM5 bilion untuk tempoh tujuh tahun bagi menyediakan prasarana pendidikan khususnya di dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain dari itu, kerajaan juga telah memberi insentif kepada guru-guru yang terlibat mengajar sains, matematik dan bahasa Inggeris sejak pengajaran sains dan matematik dilaksanakan dalam bahasa Inggeris di seluruh Negara.

Sebenarnya, penggunaan koswer pendidikan mula dilaksanakan secara terancang oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada 1994. Projek perintis dijalankan di 15 buah sekolah rendah di negeri Selangor. Sekolah-sekolah tersebut dibekalkan dengan 40 tajuk perisian kursus pendidikan, iaitu 32 topik bahasa Inggeris yang dibangunkan oleh Unit Komputer Dalam Pendidikan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (Ahmad & Zarina, 2004 dalam Liew, 2005).

Bagi mata pelajaran sains dan matematik tingkatan 1 yang diajar dalam bahasa Inggeris penggunaan koswer dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) telah dimulakan di seluruh negara pada tahun 2003, manakala bagi tingkatan empat, bermula pada tahun 2006. Ini bermakna guru-guru sains dan matematik perlu mempunyai keupayaan menggunakan komputer di samping menguasai bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Bagi mempersiapkan guru-guru Kementerian Pendidikan telah menjalankan program latihan, antaranya iaitu; kursus orientasi kurikulum sains, Kursus ETeMS, dan latihan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (TMK) untuk pengoperasian perkakasan komputer riba dan LCD.

Guru-guru memainkan peranan yang kritikal dalam suasana bilik darjah. Kepercayaan dan jangkaan guru terhadap keberkesanannya sebagai guru memberi pengaruh terhadap sikap dan pencapaian pelajar. Kepercayaan dan jangkaan guru ini juga dirujuk sebagai efikasi guru (*teacher efficacy*). Secara khususnya, efikasi guru merujuk kepada kepercayaan seseorang guru bahawa dia mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi pencapaian pelajar. Gibson dan Dembo (1984), menyokong identifikasi

efikasi guru sebagai pemboleh ubah tanggungjawab bagi perbezaan seseorang dalam keberkesanan seseorang guru. Efikasi guru (*teacher efficacy*) dalam kajian ini merujuk kepada keyakinan dan kepercayaan seseorang guru terhadap kebolehannya untuk melaksanakan P&P dengan menggunakan TMK dalam bilik darjah dan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar.

Menurut Bandura (1977), kepercayaan guru dalam efikasi pengajaran mempengaruhi kemajuan akademik pelajar. Guru yang mempunyai efikasi yang tinggi menjalankan tugasnya dengan kepercayaan bahawa pelajar boleh diajar melalui usaha sungguh-sungguh dan dengan teknik yang betul. Guru berkenaan meluangkan lebih masa untuk aktiviti pengajaran, menyediakan lebih bimbingan kepada pelajar yang memerlukan dan memberi lebih pujian kepada pencapaian akademik pelajar. Manakala, guru yang mempunyai efikasi yang rendah merasakan sedikit sahaja yang mereka boleh lakukan jika pelajar tidak bermotivasi atau persekitaran yang tidak sesuai. Guru berkenaan meluangkan lebih masa kepada hal-hal bukan akademik, mudah putus asa dengan pelajar jika pelajar lambat memberikan hasil dan mengkritik pelajar jika mereka gagal. Kepercayaan guru dalam efikasi mereka mempengaruhi secara umum arah orientasi mereka dalam proses pendidikan sama seperti aktiviti pengajaran. Dalam konteks menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, efikasi atau kepercayaan guru bahawa dia boleh menggunakan TMK dengan cekap dan mampu menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian.

Pada peringkat sekolah, pengurusan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) termasuklah; i) pengendalian latihan dalaman seperti kursus kandungan dan TMK, ii) pemantauan oleh pihak pentadir termasuklah pengetua, penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia, iii) pengendalian peralatan yang terlibat seperti komputer, perisian dan projektor LCD, iv) pengendalian program intervensi, v) Program Sistem Bimbingan Taulan dan vi) penyediaan kemudahan termasuklah penyediaan Komputer Riba, projektor LCD (*fixed*, mudah alih), koswer, troli, makmal sains, makmal komputer, bilik matematik dan bilik darjah yang dilengkapi dengan bekalan elektrik, skrin, troli, pembesar suara, penyambung wayar dan soket yang mencukupi.

1.3 Pernyataan Masalah

Efikasi guru dilihat sebagai satu faktor yang boleh memberi kesan ke atas kaedah pengajaran seseorang guru dan prestasi pelajar. Sejauh mana seseorang guru itu yakin bahawa dia dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan dan percaya bahawa pelajar yang diajarnya dapat menerima pengajaran dan melalui proses pembelajaran dengan berkesan adalah suatu perkara yang perlu diambil perhatian serius. Dalam pengajaran sains dan matematik, guru-guru sepatutnya menggunakan segala kemudahan yang disediakan terutamanya perisian pengajaran (*teaching courseware*) yang dibekalkan oleh PPK dalam pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer. Sama ada guru-guru melihat perkara ini dari aspek positif atau negatif bergantung pada efikasi guru itu sendiri. Misalnya, walaupun penggunaan komputer dilihat akan memudahkan tugas guru-guru sains dan matematik dalam menyampaikan pengajaran mereka dalam bahasa Inggeris, namun ia juga boleh membebankan guru-guru yang tidak bersedia dari segi mental yakni sikap, kesediaan, kepercayaan, keupayaan dan keyakinan dalam mengendalikan teknologi maklumat.

Dalam kajian Ahmad Salim dan Yusup Hashim (2004), kadar kekerapan penggunaan komputer kurang memuaskan dalam kalangan guru walaupun guru-guru berpendapat penggunaan komputer tidak membuang masa mereka menyalin atau melukis gambar di papan tulis. Gambar yang diberikan dalam koswer multimedia lebih jelas dan tepat berbanding dengan carta. Guru-guru juga mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan *laptop*. Namun demikian, hanya 20% responden menggunakan *laptop* setiap kali pengajaran dan pembelajaran dalam seminggu dan 60% responden menggunakan komputer sekurang-kurangnya sekali seminggu. Jimmy Udan (2007) juga dalam kajiannya mengenai tahap kemampuan mengurus integrasi komputer dalam kalangan guru sekolah bestari di negeri Sabah mendapati tahap kemampuan dalam kalangan guru masih di tahap sederhana.

Oleh yang demikian sokongan pentadbir, rakan sejawat dan kemudahan di peringkat sekolah dilihat boleh memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap efikasi dalam kalangan guru sains dan matematik. Persoalannya, adakah sokongan pentadbir sekolah berada pada tahap yang memuaskan? Adakah wujud kerjasama yang memuaskan antara rakan sejawat, pembimbing rakan taulan dan penyelaras guru TMK di sekolah? Bagaimana pula dengan kemudahan yang menyokong P&P guru? Adakah kemudahan yang disediakan memudahkan dan memotivasikan guru-guru? Bagaimana dengan tahap efikasi dalam kalangan guru? Bagaimana pengaruh rakan sejawat

mempengaruhi keyakinan seseorang guru? Apakah sokongan pentadbir, sokongan rakan sejawat dan sokongan kemudahan ada perkaitan dengan efikasi guru? Misalnya, latihan diadakan secara *ad hoc*, kemudahan sokongan yang disediakan tidak diurus dengan baik, kurang pemantauan oleh pihak pentadbir sekolah dan guru-guru pula masih terikat dengan kaedah pengajaran tradisional. Lanjutan daripada itu, dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kajian kepada persepsi guru terhadap sokongan pentadbir, rakan sejawat dan kemudahan di peringkat sekolah dan efikasi guru. Adakah wujud perkaitan antara efikasi guru dengan sokongan pentadbir, sokongan rakan sejawat dan sokongan kemudahan? Adakah terdapat perbezaan dari aspek demografi?

1.4 Tujuan Umum Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada wujud perkaitan antara tahap sokongan pentadbiran, sokongan rakan sejawat dan sokongan kemudahan dengan efikasi guru. Di samping itu, kajian ini juga akan meninjau min bagi tahap sokongan pentadbir, tahap sokongan rakan sejawat, tahap sokongan kemudahan dan tahap efikasi guru serta perbezaannya berdasarkan ciri demografi dalam kalangan guru PPSMI sekolah menengah di daerah Penampang Sabah.

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk:

- (i) Mengenal pasti perbezaan sokongan pentadbir berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar.
- (ii) Mengenal pasti perbezaan sokongan rakan sejawat berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar.
- (iii) Mengenal pasti perbezaan sokongan kemudahan berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar.
- (iv) Mengenal pasti perbezaan tahap efikasi berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar.
- (v) Mengenal pasti perkaitan persepsi guru terhadap sokongan pentadbir dengan tahap efikasi guru sains dan matematik.
- (vi) Mengenal pasti perkaitan sokongan rakan sejawat dengan tahap efikasi guru sains dan matematik.
- (vii) Mengenal pasti perkaitan sokongan kemudahan dengan tahap efikasi guru sains dan matematik.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, terdapat beberapa soalan kajian mengenai tahap sokongan pentadbir, rakan sejawat, kemudahan dan efikasi guru sains dan matematik dikemukakan:

- (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pentadbir berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan sokongan rakan sejawat berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan sokongan kemudahan berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, umur dan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar?
- (v) Adakah persepsi guru terhadap sokongan pentadbir mempunyai perkaitan dengan efikasi guru sains dan matematik?
- (vi) Adakah persepsi guru terhadap sokongan rakan sejawat mempunyai perkaitan dengan efikasi guru sains dan matematik?
- (vii) Adakah persepsi guru terhadap sokongan kemudahan mempunyai perkaitan dengan efikasi guru sains dan matematik?

1.7 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis nul yang akan dikaji dalam kajian tersebut:

- Ho1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pentadbir berdasarkan jantina.
- Ho2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pentadbir berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pentadbir berdasarkan umur.
- Ho4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pentadbir berdasarkan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar.
- Ho5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan rakan sejawat berdasarkan jantina.

- Ho6. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan rakan sejawat berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho7. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan rakan sejawat berdasarkan umur.
- Ho8. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan rakan sejawat berdasarkan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar.
- Ho9. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan kemudahan berdasarkan jantina.
- Ho10. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan kemudahan berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho11. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan kemudahan berdasarkan umur.
- Ho12. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan kemudahan berdasarkan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar.
- Ho13. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru berdasarkan jantina.
- Ho14. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho15. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru berdasarkan umur.
- Ho16. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru berdasarkan bidang pengkhususan mata pelajaran yang diajar.
- Ho17. Tidak ada perkaitan yang signifikan antara persepsi guru terhadap sokongan pentadbir dengan efikasi guru.
- Ho18. Tidak ada perkaitan yang signifikan antara persepsi guru terhadap sokongan rakan sejawat dengan efikasi guru.
- Ho19. Tidak ada perkaitan yang signifikan antara persepsi guru terhadap sokongan kemudahan dengan efikasi guru.

1.8 Definisi Operasi

Sokongan pentadbir dalam kajian ini adalah merujuk kepada sokongan secara profesional dan psikologi yang diberikan oleh pentadbir kepada guru-guru dalam pelaksanaan PPSMI. **Pentadbir** dalam kajian ini merujuk pada pihak yang terlibat dengan pentadbiran dan pengurusan PPSMI di sekolah termasuk pengetua, penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia. Sokongan profesional didefinisikan sebagai sebarang bentuk sokongan yang diberikan oleh pentadbir terhadap seseorang guru untuk menggalakkan perkembangan profesional guru seperti menyediakan peluang

latihan, pembangunan dan pembelajaran supaya meningkatkan keupayaan staf dan organisasi ke arah perkembangan potensi yang optimum. Asmah Bte Ahmad (2003) mengatakan latihan dalam organisasi merupakan satu proses pembelajaran berterusan yang disusun untuk mengubah sikap, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja agar prestasi kerja semasa mereka dapat ditingkatkan. Latihan adalah satu set pengalaman pembelajaran terancang yang direkabentuk bertujuan untuk menambahbaik kemahiran dan prestasi kerja individu-individu dalam organisasi. Sokongan psikologi pula merujuk kepada sokongan pentadbir terhadap seseorang guru yang membangunkan motivasi dan kekuatan dalaman seseorang, misalnya memberi penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan dan kejayaan staf.

Sokongan rakan sejawat (*collegial supports*) merujuk kepada wujudnya perasaan kekitaan, bekerjasama dan tolong-menolong dalam kalangan warga guru sekolah berkenaan (Sharifah Md. Nor, 2000). Dalam kajian ini rakan sejawat merujuk kepada guru pembimbing taulan (yang terdiri daripada guru-guru bahasa Inggeris), guru Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan rakan-rakan guru itu sendiri. Pada masa kini setiap sekolah mempunyai sekurang-kurang seorang guru TMK dan seorang guru pembantu TMK.

Sokongan kemudahan merujuk kepada kemudahan fizikal yang disediakan dan penyelenggaraannya yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran berbantuan TMK dan peralatan PPSMI seperti koswer, komputer (PC dan komputer riba), projektor LCD, pencetak, mesin pengimbas, kamera video, skrin, TV, troli, alat bantu mengajar bukan multimedia dan sebagainya.

Efikasi guru dalam kajian ini merujuk kepada efikasi personal guru dan efikasi umum guru, iaitu keyakinan dan kepercayaan guru terhadap kemampuannya untuk menyampaikan P&P dengan menggunakan komputer atau TMK dalam bilik darjah (efikasi personal) serta memberi kesan terhadap prestasi pelajar (efikasi umum). Pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer atau berbantuan TMK merujuk kepada penggunaan komputer oleh guru dalam P&P sama ada di bilik darjah, makmal komputer, bilik matematik atau makmal sains. **Guru PPSMI** dalam kajian ini adalah merujuk kepada guru-guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik.